

MODUL PINTAS TINGKATAN LIMA

1 JAM

1249/1

SEJARAH

Kertas 1

ARAHAN :

1. Jangan Buka Kertas Peperiksaan Ini Sehingga Diberitahu.
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.
3. Jawab semua soalan.
4. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
5. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

NAMA :

TINGKATAN :

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

1249/1

- 1 Mengapakah Inskripsi Telaga Batu penting kepada rakyat dalam kerajaan Srivijaya?
- A Menceritakan penyebaran agama
 - B Menunjukkan ketinggian seni bina
 - C Membuktikan kesetiaan kepada raja
 - D Melambangkan keagungan pemerintah
- 2 Mengapakah urusan kekeluargaan diberi perhatian dalam Hukum Kanun Melaka?
- A Meningkatkan taraf hidup
 - B Mengelakkan keruntuhan akhlak
 - C Menetapkan peranan ketua keluarga
 - D Menyelesaikan masalah dalam perkahwinan
- 3 Apakah kesan Revolusi Keagungan 1688 di England?
- A Kerajaan republik didirikan
 - B Kemerdekaan mutlak diperoleh
 - C Pemerintahan beraja ditamatkan segera
 - D Pemantapan sistem raja berperlembagaan
- 4 Karya kesusasteraan berikut dihasilkan oleh Pak Sako pada abad ke-20.

- *Putera Gunung Tahan*
- *Anak Mat Lela Gila*

Apakah mesej yang disampaikan di dalam karya tersebut?

- A Keperluan melakukan pembaharuan
 - B Kepentingan menikmati kebebasan
 - C Kelemahan sistem pentadbiran
 - D Kemunduran rakyat tempatan
- 5 Bagaimanakah pemerintahan Dinasti Habsburg di empayar Austria-Hungary mengalami keruntuhan?
- A Pembunuhan pewaris takhta
 - B Penyebaran ideologi komunis
 - C Penentangan terhadap kenaikan cukai
 - D Pemberontakan di wilayah penguasaan

- 6 Slogan berikut digunakan oleh pihak Jepun untuk menjayakan misi mereka di negara kita.

Asia untuk Orang Asia

Apakah tujuan slogan tersebut digunakan?

- A Mengukuhkan perpaduan kaum
B Menonjolkan imej sebagai pembela
C Membantu memperoleh kemerdekaan
D Menjaga kebajikan penduduk tempatan
- 7 Bagaimanakah Sir Harold MacMichael mendapatkan tandatangan persetujuan Raja-raja Melayu bagi melaksanakan Malayan Union?
- I Melakukan ugutan
II Menggunakan desakan
III Memalsukan dokumen
IV Membentuk pakatan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 8 Charles Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British pada 1 Julai 1946. Mengapakah terdapat penduduk yang menyokong penyerahan tersebut?
- A Menamatkan sistem birokrasi
B Mempercepatkan kemerdekaan
C Memajukan penduduk tempatan
D Mengekalkan pemerintahan monarki
- 9 Jawatankuasa Kerja ditubuhkan bagi membincangkan asas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Apakah cadangan yang dikemukakan oleh jawatankuasa tersebut?
- A Melaksanakan pemerintahan demokrasi
B Menghalang kemasukan orang dagang
C Mengetatkan syarat kewarganegaraan
D Membenarkan kebebasan berpolitik

- 10 Mengapakah orang Melayu menerima Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- I Diiktiraf sebagai penduduk asal
 - II Pemerintahan bercorak demokrasi
 - III Bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi
 - IV Kedudukan Raja-raja Melayu dikembalikan
- A I dan II B I dan IV
C II dan III D III dan IV
- 11 Mengapakah pergerakan Partai Komunis Indonesia tidak mendapat sambutan daripada orang Melayu di Tanah Melayu?
- A Perbezaan bahasa antara penduduk
 - B Doktrin perjuangan yang sederhana
 - C Sekatan undang-undang oleh pemimpin
 - D Kekerasan digunakan dalam perjuangan
- 12 Mengapakah tokoh-tokoh tersebut ditangkap semasa zaman darurat pada tahun 1948?
- Khatijah Sidek
 - Ahmad Boestaman
 - Ishak Haji Muhammad
- A Menjadi pemimpin gerakan radikal
 - B Menyertai gerakan menentang Jepun
 - C Melindungi tokoh nasionalis tempatan
 - D Mensabotaj kempen menyokong British
- 13 Apakah tujuan pembentukan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)?
- I Memantapkan sistem pentadbiran
 - II Mewujudkan keadaan muhibah
 - III Membetulkan keadaan politik
 - IV Menambah baik undang-undang
- A I dan II B I dan IV
C II dan III D III dan IV

- 14 Maklumat berikut berkaitan dengan jawatankuasa pelajaran di negara kita.

Ordinan Pelajaran 1952 ditubuhkan selepas Jawatankuasa Penasihat Pusat Pelajaran meneliti Laporan Barnes dan Laporan Fenn-Wu.

Apakah tujuan pembentukan jawatankuasa pelajaran tersebut?

- A Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua
- B Penggunaan bahasa rasmi Persekutuan
- C Pendidikan berorientasikan negara asal
- D Bahasa ibunda dijadikan bahasa pengantar

- 15 Peristiwa berikut berlaku pada 21 April 1954.

Tunku Abdul Rahman berangkat ke London bersama-sama dengan Tan Cheng Lock untuk menyatakan hasrat menentukan bilangan anggota Majlis Perundangan Persekutuan (MPP).

Bagaimanakah proses pemilihan anggota MPP itu dilakukan?

- A Melalui pilihan raya
- B Mengadakan referendum
- C Perkenan Raja-raja Melayu
- D Persetujuan daripada British

- 16 Bagaimanakah kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu menjadikan perkhidmatan awam bercorak tempatan?

- A Menduduki peperiksaan awam
- B Mengurangkan pegawai Eropah
- C Memperkenalkan sistem birokrasi
- D Memberi kuasa kepada Majlis Perbandaran

- 17 Suruhanjaya Reid telah menerima memorandum daripada Raja-raja Melayu untuk dipertimbangkan dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Apakah tuntutan dalam memorandum tersebut?

- A Menyatukan semua negeri
- B Mengetuai hal ehwal agama
- C Menubuhkan Majlis Raja-raja Melayu
- D Melindungi keistimewaan orang Melayu

- 18 Gambar berikut menunjukkan rombongan rundingan ke London pada tahun 1955.



Apakah tujuan rombongan tersebut?

- A Melantik ketua negara
 B Memperoleh kemerdekaan
 C Memohon khidmat nasihat
 D Membincangkan pilihan raya
- 19 Jawatankuasa Persediaan Fizikal ditubuhkan sebagai persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan.
 Apakah peranan jawatankuasa tersebut?
- A Mewujudkan identiti negara berdaulat
 B Menerima cadangan atur cara sambutan
 C Menyebarkan risalah kepada penduduk
 D Menyediakan pelbagai kemudahan asas
- 20 Suasana berikut berlaku pada pagi 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka.

Dengan tangan di udara, Tunku Abdul Rahman melaungkan "MERDEKA" sebanyak 7 kali.

Mengapakah beliau membuka genggam tangan semasa laungan tersebut?

- A Lambaian gembira pemimpin
 B Lambang sumpah taat setia
 C Keamanan negara dikecapi
 D Kebebasan negara tercapai

- 21 Tokoh berikut memberikan tafsiran berkaitan kedaulatan.



Tun Dr. Mohamed Salleh Abas

Apakah tafsiran tokoh berikut berkaitan kedaulatan?

- A Kekuasaan tertinggi
- B Kemakmuran rakyat
- C Kesejahteraan sosial
- D Kebebasan antarabangsa

- 22 Bagaimanakah pemerintah dapat mengukuhkan pertahanan negara?

- I Memodenkan aset ketenteraan
- II Mengadakan perjanjian pertahanan
- III Mengelakkan amalan rasuah
- IV Mengamalkan ideologi negara

- A I dan II
- C II dan III

- B I dan IV
- D III dan IV

- 23 Charter of Justice diperkenalkan oleh British di Negeri-negeri Selat.

Apakah tujuan pengenalan undang-undang tersebut?

- A Menjadi panduan pegawai tempatan
- B Menghapuskan kuasa bangsawan
- C Memakmurkan ekonomi negeri
- D Melindungi penduduk asal

24 Senarai berikut menunjukkan ciri tradisional dalam Perlembagaan Persekutuan.

- X
- Agama Islam
- Bahasa Melayu

Apakah X?

- A Kewarganegaraan
 B Pemerintahan beraja
 C Kerajaan Persekutuan
 D Demokrasi Berparlimen
- 25 Durbar dibentuk seiring dengan penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1897.
 Apakah peranan Durbar?
- A Membincangkan hal ehwal pentadbiran
 B Menggubal undang-undang Persekutuan
 C Menjaga kepentingan penduduk tempatan
 D Melantik ahli Majlis Mesyuarat Perundangan
- 26 Badan eksekutif peringkat Kerajaan Persekutuan ialah Jemaah Menteri.
 Apakah tugas utama badan tersebut?
- A Menggubal dasar negara
 B Menjamin keadilan sosial
 C Melaksanakan undang-undang
 D Melindungi hak istimewa bumiputera
- 27 Senarai berikut berkaitan bidang kuasa dalam pentadbiran negara kita.

- Kewangan
- Kewarganegaraan

Pihak manakah yang bertanggungjawab dalam bidang kuasa tersebut?

- A Kerajaan Negeri
 B Kerajaan Tempatan
 C Kerajaan Demokrasi
 D Kerajaan Persekutuan

- 28 Apakah program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan bagi memastikan golongan pertengahan berpeluang memiliki rumah?
- I Rumah Mesra Rakyat
 II Program Perumahan Rakyat
 III Perumahan Awam Kos Rendah
 IV Perbadanan Perumahan Malaysia
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 29 Mengapakah Sir Geofroy Tory mencadangkan supaya Persekutuan Tanah Melayu bergabung dengan Singapura?
- A Menghapus ancaman komunis
 B Mempercepat kemerdekaan
 C Kepentingan ekonomi
 D Keseimbangan kaum
- 30 Apakah fungsi Suruhanjaya Cobbold dalam pembentukan Malaysia?
- A Memastikan keluhuran perlembagaan
 B Menjelaskan kepentingan perpaduan
 C Meninjau pendapat penduduk
 D Menjamin sistem pendidikan
- 31 Selepas pembentukan Malaysia, kerajaan berusaha melibatkan rakyat Sarawak dan Sabah dalam aktiviti ekonomi komersial.
 Bagaimanakah usaha tersebut dijalankan?
- A Merapatkan jurang pendapatan
 B Memajukan sistem perhubungan
 C Menyeimbangkan pembangunan
 D Mempelbagaikan kegiatan ekonomi

32 Pernyataan berikut merujuk kepada usaha kerajaan menangani ancaman komunis.

- Operasi Hammer Sarawak
- Strategi Counterinsurgency (COIN)

Apakah persamaan antara kedua-dua strategi tersebut?

- A Memenangi hati dan fikiran rakyat
- B Memperketat kawalan di sempadan
- C Mengembalikan keharmonian kaum
- D Menguatkuasakan perintah berkurung

33 Apakah yang diperkenalkan dalam Kajian Aminuddin Baki bagi menambah baik sistem pendidikan negara?

- I Kursus kemahiran
- II Aktiviti kokurikulum
- III Penekanan amalan kerohanian
- IV Sistem persekolahan aneka jurusan

- A I dan II
- C II dan III

- B I dan IV
- D III dan IV

34 Senarai berikut berkaitan prinsip-prinsip pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

- Berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau Melayu
- Unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar diterima
- X

Apakah X?

- A Kebebasan asasi
- B Cinta akan negara
- C Islam unsur terpenting
- D Raja Berperlembagaan

- 35 Industri Kecil dan Sederhana (IKS) diperkenalkan bagi memperbaiki taraf hidup rakyat. Apakah implikasi positif daripada perkembangan industri tersebut?
- A Melahirkan ramai usahawan muda
 - B Menambah bilangan saham bumiputera
 - C Mewujudkan persaingan dengan syarikat besar
 - D Menstrukturkan semula bantuan kewangan negara

- 36 Gambar berikut berkaitan perkembangan industri di negara kita.



Apakah tujuan penubuhan taman tersebut?

- A Mengurangkan kadar kemiskinan
 - B Merangsang kegiatan penyelidikan
 - C Meningkatkan industri pelancongan
 - D Melahirkan masyarakat perdagangan
- 37 Malaysia menyokong penuh Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Apakah pendirian Malaysia bagi menggambarkan sokongan tersebut?
- A Semangat setia kawan
 - B Muafakat membawa berkat
 - C Hidup bersama secara aman
 - D Aman, bebas dan berkecuali
- 38 Bagaimanakah kerjasama sosial terjalin antara Malaysia dengan negara anggota Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)?
- I Menawarkan pemotongan cukai
 - II Mengadakan pertukaran pelajar
 - III Menganjurkan festival kebudayaan
 - IV Menandatangani perjanjian pertahanan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

39 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) berikut terlibat secara aktif dalam aktiviti kesukarelawanan.

- MyCare
- Global Peace Mission

Negara manakah yang menerima bantuan daripada NGO tersebut?

- A Syria
- B Aceh
- C Palestin
- D Sri Lanka

40 Dasar Teknologi Hijau Negara telah dilancarkan sebagai usaha mengekalkan kelestarian global. Apakah impak yang diharapkan melalui pelaksanaan dasar tersebut?

- A Meningkatkan kecekapan tenaga
- B Memanfaatkan khazanah negara
- C Mengurangkan pembaziran air
- D Mengawal perubahan iklim

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT